

# HUBUNGAN PREPOSISI DALAM GERAK RUANG BAHASA MELAYU BERDASARKAN REPRESENTASI STRUKTUR KONSEPTUAL DENGAN REPRESENTASI RUANG

*(Relations of the Preposition in Motion Verb of the Malay Language Based on Conceptual Structure Representation with Spatial Representation)*

\*Nurul Jamilah Rosly  
nuruljamilah85@yahoo.com

Maslida Yusof  
maslida@ukm.edu.my

Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 2 Disember 2019

Sila rujuk: Nurul Jamilah Rosly dan Maslida Yusof. (2019). Hubungan preposisi dalam gerak ruang bahasa Melayu berdasarkan representasi struktur konseptual dengan representasi ruang. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 329-338.

## Abstrak

Gerak merupakan perubahan dari satu lokasi ke lokasi yang lain. Tipologi gerak ini memerlukan peranan preposisi sebagai indikator dan komponen utama bagi mengekspresikan arah gerak tersebut. Kajian ini tertumpu pada gerak ruang dan preposisi yang hadir bersama-samanya seperti *dari*, *daripada*, *ke*, *kepada*, *di*, *di seberang*, *di sekitar*, *di sekeliling* dan *di sepanjang* dengan memberikan fokus pada sudut pandangan struktur konseptual (abstrak). Data yang digunakan dalam kajian ini diambil daripada Pangkalan Data Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia sebagai bahan dan contoh kajian. Penganalisan data menggunakan Teori Struktur Konseptual (TSK) oleh Jackendoff (1997 & 2011). Pemetaan argumen ini merangkumi tiga tatattingkat utama, iaitu pemetaan kepada representasi Peraturan

Argumen-Adjung, representasi struktur konseptual dan representasi ruang. Hasil dapatan menunjukkan, kehadiran gerak ruang bersifat arah, tambah, menjadi dan orientasi hadir dalam fungsi [PERISTIWA] dan [KEADAAN] yang boleh diramalkan kehadiran preposisinya seperti *dari, daripada, ke, kepada, di, di seberang, di sekitar, di sekeliling* dan *di sepanjang* dalam hala bersifat terikat, arah dan laluan. Representasi ruang juga menunjukkan adanya pengkonseptualan dimensi yang terlibat seperti DIM 0D, DIM 2 (0+E) DIR dan DIM 2 (0 + E) DIR. Secara keseluruhan, kajian ini telah menunjukkan hubungan gerak dan preposisi dalam representasi struktur konseptual bersama representasi ruang.

Kata kunci: gerak, preposisi, argumen-adjung, konseptual, ruang

#### **Abstract**

*Motion is a change from one location to another location. The typology of motion requires the prepositions as indicators and main components to express the direction of motion. Consequently, this study focuses on spatial motion and prepositions that are present simultaneously such as dari, daripada, ke, kepada, di, di seberang, di sekitar, di sekeliling and di sepanjang, by focusing on conceptual (abstract) structure perspective. This research uses data acquired from the database of Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia as material and sample of study. Conceptual Structure Theory (CST) (Jackendoff 1997 & 2011) was used to analyse the data. The argument is arranged according to three main hierarchies: argument-adjunct rules, conceptual structure representation and spatial representation. The findings reveal the existence of directional spatial motion, additive motion, becoming motion and orientative motion in function of [EVENT] and [STATE] that can predict the existence of prepositions such as dari, daripada, ke, kepada, di, di seberang, di sekitar, di sekeliling and di sepanjang in bound direction, directive direction and path direction. Spatial representation also demonstrates the involvement of dimension conceptualization such as DIM 0D, DIM 2 (0+E) DIR and DIM 2 (0+E) DIR. Overall, this study shows the relationship of motion and prepositions in conceptual structure representation with spatial representation.*

*Keywords: Motion, preposition, argument-adjung, conceptual, spatial*

## PENGENALAN

Pandangan ahli sains melihat konsep gerak ini melibatkan translasi, ayunan dan putaran yang disebabkan perubahan alam semula jadi secara fizikal seperti cahaya, bunyi, gelombang dan lain-lain. Dari sudut saintifik, suatu pergerakan ini difahami sebagai perubahan lokasi sesuatu objek dari satu titik ke titik yang lain berdasarkan tetapan masa. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2014) mendefinisikan gerak merupakan perbuatan untuk melakukan sesuatu kerja dalam bentuk beberapa kali. Dari sudut pengertian prototipikal, Wollner *et al.* (2012) menjelaskan gerak merupakan perubahan lokasi sesuatu objek kepada objek yang lain secara berturut-turut dari satu titik ke ruang yang merentasi tempoh masa. Begitu juga dengan konsep gerak dari sudut tatabahasa linguistik, iaitu gerak pastinya mempunyai komponen yang tersendiri seperti tema, sumber, permukaan, hala, asas dan matlamat bagi menunjukkan pemerincian arah bagi pergerakan.<sup>1</sup>

Sehubungan dengan itu, pastinya terminologi gerak ini memerlukan peranan preposisi sebagai indikator utama bagi mengekspresikan arah gerak tersebut. Ahli semantik berpendapat, gabungan antara gerak dengan preposisi dapat menghuraikan keadaan sepanjang gerak tersebut. Sebagai contoh, penentuan bentuk preposisi seperti *to*, *from* dan *at* dapat menentukan sifat gerak, sama ada gerak tersebut bersifat arah, tidak berarah dan sebagainya (Jackendoff, 1983, p. 163). Berdasarkan kerangka tatabahasa kognitif, pandangan gerak dan preposisi ini dapat diperihalkan dalam bentuk skemata ruang yang berorientasikan hubungan objek dengan objek serta orientasi sekelilingnya. Hal ini selaras dengan pandangan ahli psikologi Gestalt yang menekankan preposisi sebagai adanya ekspresi ruang bagi mengungkapkan makna linguistik itu secara semula jadi (Zelinsky, 1993, p. 5).

Namun begitu, berbeza dari sudut pandangan konseptual Jackendoff (2010) mendapati sesuatu gerak akan beroperasi secara bersama dalam set domain ruang.<sup>2</sup> Pemaparan set domain ruang ini merujuk kehadiran fungsi-Hala atau fungsi preposisi sebagai penunjuk arah gerak tersebut dalam dimensi dan arah. Beliau telah membahagikan fungsi preposisi (Hala) ini kepada tiga jenis, iaitu bersifat terikat, bersifat arah dan bersifat laluan.<sup>3</sup> Ketiga-tiga jenis Hala ini menunjukkan adanya hubungan ruang dan trajektor bagi memerihalkan sama ada gerak tersebut berbentuk rantauan, garisan yang lurus, sesuatu yang mempunyai tamat pada gerak, berbentuk persoalan atau trajektor yang berakhir dengan letupan (Jackendoff, 2010, p. 139). Oleh itu, makalah ini akan menjelaskan representasi gerak ruang

bersama-sama preposisi seperti *dari, daripada, ke, kepada, di, di seberang, di sekitar, di sekeliling* dan *di sepanjang* yang membentuk hubungannya pada peringkat representasi ruang.

## KAJIAN LEPAS

Pelbagai pendekatan dan aliran linguistik telah membincangkan struktur dan pembinaan gerak khususnya dalam kata kerja. Antaranya kajian oleh Maslida Yusof (2008, 2010), yang membincangkan kata kerja gerak bahasa Melayu berdasarkan pendekatan *Rules Reference Grammar* (RRG), serta kehadiran preposisi bagi menunjukkan ke mana sesuatu subjek (pelaku) dan objek (benda) itu disasarkan. Petruck (2009), juga pernah mengkaji kata kerja gerak bahasa French bersama preposisi berdasarkan pendekatan *Frame Semantics* (Fillmore 1977, 1982 & 1985) yang menunjukkan kehadiran preposisi sentiasa saling berkaitan seperti *under, behind, thought* dari *exit* bagi menentukan pengelasan gerak tersebut. Selain itu Bhuvana Narasimhan (2002), yang membincangkan kata kerja gerak dalam bahasa Hindi membahagikan pola gerak tersebut kepada preposisi + kata kerja gerak dan cara + kata kerja gerak. Begitu juga kajian oleh Zubizarreta (2008), yang mengkategorikan kata kerja gerak dalam bahasa Itali berpandukan kepada frasa preposisi. Berbeza dengan tatabahasa bahasa Itali yang terdiri daripada dua jenis kata kerja akar, iaitu fungsi kata kerja akar (modal) dan semi-fungsi kata kerja akar (kata kerja gerak dan kausatif). Nicolas Asher dan Pirre Sablayrolles (2009), pula berpendapat pengelasan gerak dilakukan berdasarkan aspek bermulanya gerakan itu pada peringkat permulaan, pertengahan dan akhir. Hasil kajian menunjukkan sesuatu gerak berpandukan kepada empat jenis preposisi, iaitu kedudukan (*at, on, above, behind, far away*), arah permulaan (*from, from behind, from out*), arah pertengahan (*along, behind, thought*) dan arah akhir (*to, towards, to upper*).


Walaupun terdapat pelbagai pendekatan kata kerja gerak yang diaplikasi dalam bahasa yang berbeza, namun Jackendoff (2002 & 2011), telah menawarkan suatu penjelasan yang berbeza berbanding kajian terdahulu. Jika dilihat, kebanyakan kajian terdahulu lebih membincangkan gerak berbentuk fizikal sahaja. Walau bagaimanapun penjelasan dari sudut struktur konseptual menganggap gerak merupakan sebahagian bersifat ruang yang mempunyai arah dan dimensinya yang tersendiri. Pendekatan struktur konseptual juga ditambah baik berdasarkan pemetaan representasi peraturan argumen dan adjung, representasi struktur konseptual dan representasi ruang.

## KERANGKA UTAMA TEORI STRUKTUR KONSEPTUAL

Perkembangan teori struktur konseptual (TSK) ini dibina pada tahun 1983 dan diperkemas sehingga tahun 2011 apabila wujudnya perbincangan mengenai teori sintaksis dan semantik dalam kalangan ahli linguistik di Amerika. Jackendoff (2011), telah mencetuskan idea tentang cara memahami sesuatu makna yang dilihat sangat penting dalam struktur sintaksis dan semantik. Setiap makna yang dibina ini pastinya mempunyai hubungan antara struktur fonologi, sintaksis dan semantik yang dikodkan dalam minda manusia. Menurut beliau minda manusia seperti sistem pengkomputeran yang mengandungi struktur sintaksis sebagai representasi dalaman untuk memahami makna yang bersifat abstrak.<sup>4</sup> Oleh itu beliau telah mewujudkan satu hipotesis awal di sebalik pembinaan struktur konseptual ini dengan menyatakan:

setiap bahasa di dunia ini mempunyai representasi mental yang dikenali sebagai "struktur konseptual", iaitu satu pemahaman yang telah dikodkan dalam minda manusia.

(Jackendoff, 1992)



Rajah 1 Organisasi reka bentuk sejajaran TSK (Jackendoff, 2011).

Pemahaman mengenai makna ini ditekankan pada bentuk representasi mental dalaman yang sentiasa berhubungan dengan setiap peringkat representasi seperti struktur fonologi, struktur sintaksis dan struktur semantik. Rajah 1 merupakan gambaran organisasi TSK di bawah Reka bentuk Sejajaran (RS) yang memperlihatkan hubungan ketiga-tiga komponen tersebut yang terdapat dalam fakulti bahasa manusia.


Rajah 1, merupakan Organisasi Reka bentuk Sejajaran (2011) TSK yang menunjukkan struktur peraturan yang melibatkan tiga domain utama, iaitu struktur fonologi, struktur sintaksis dan struktur semantik. Setiap domain ini mempunyai hubungan antara satu sama lain seperti hubungan struktur fonologi dengan struktur sintaksis, hubungan struktur sintaksis dengan struktur semantik serta hubungan struktur fonologi dengan struktur semantik. Walau bagaimanapun, makalah ini hanya membincangkan domain hubungan struktur konseptual bersama hubungan representasi ruang yang dianggap lebih mempengaruhi dalam kajian ini. Berdasarkan TSK, dibahagikan organisasi semantik kepada gerak ruang yang meliputi gerak ruang bersifat arah, gerak bersifat tambah, gerak bersifat orientasi dan gerak bersifat kausatif. Kesemua makna pada gerak ini mempunyai kategori ontologinya tersendiri seperti [Keadaan], [Peristiwa], [Benda], [Hala] dan [Tempat].<sup>5</sup>

## **REPRESENTASI STRUKTUR KONSEPTUAL DENGAN REPRESENTASI RUANG**

Berdasarkan TSK, kehadiran gerak bersama preposisi dibincangkan dalam keterikatan konstituen Hala.<sup>6</sup> Hal ini kerana hubungan antara struktur konseptual dengan ruang memainkan peranan dalamannya kepada peristiwa gerak itu berlaku dengan mengesan ruang trajektor kepada objek tersebut. Ruang trajektor yang memainkan peranan oleh fungsi [HALA]-preposisi ini sebenarnya dapat memperincikan aspek konseptual objek dan ruang dalam Sumber dan Matlamat pergerakan. Sebagai contoh konstituen [TEMPAT] mempunyai pelbagai bentuk dimensi seperti gerak yang berada dalam dimensi 0, gerak di sepanjang garisan 1 dimensi dan gerak yang berada dalam 3 dimensi. Jackendoff (2007) menyatakan gambaran dimensi sebagai satu bentuk representasi kognitif yang mengesan objek dalam keadaan bergerak.


Begitu juga konstituen [HALA] pula yang memperlihatkan hanya satu dimensi bagi menyatakan arah Sumber dan Matlamat dalam sesuatu gerak. Gambaran ini dapat dijelaskan berdasarkan dekomposisi [HALA], iaitu

fungsi preposisi dalam memperlihatkan pergerakan ruang berdasarkan konfigurasi sintaksis yang melibatkan dimensi dan arah. Jackendoff (2010), mendapati peranan konstituen [TEMPAT] dan [HALA] membentuk satu super kategori yang dipanggil ruang kerana kedua-duanya berkongsi ciri dimensi yang berbeza. Jackendoff & Marr (2010), mendapati ruang dalam dimensi boleh wujud bersama konseptualan bentuk seperti ditunjukkan dalam Rajah 2.



**Rajah 2** Hubungan TSK dan representasi ruang.


Berdasarkan Rajah 2, hubungan representasi TSK dan representasi ruang daripada sistem motor yang dikaitkan dengan lakaran 2 1/2 D dan sistem model 3D. Menurut Marr (1987), perbincangan mengenai ruang dalam objek ini adalah untuk mengenal pasti dan mengkategorikan bagaimana objek tersebut dikodkan dan bagaimana objek tersebut disesuaikan. Beliau telah memperkenalkan lakaran 2 1/2 D dimensi bagi memperlihatkan sesuatu visual imej. Namun begitu, Marr (1986), mendapati lakaran 2 1/2 D sebenarnya tidak menampakkan dengan jelas gambaran ruang pada objek sehingga satu kajian dilakukan dengan memperkenalkan model 3D seperti Rajah 3.



Berdasarkan Rajah 3, pendekatan yang dibawa oleh Marr (1986) dikenali sebagai persepsi visual atau kognisi visual yang mempunyai peringkat rendah, peringkat pertengahan dan peringkat tinggi untuk membincangkan persepsi visualisasi. Menurut Jackendoff (2010), pendekatan model 3D dilihat begitu jelas dalam memahami struktur ruang terutama yang melibatkan objek tiga dimensi dan bersifat kesatuan. Kewajaran ini berdasarkan sesuatu objek dilihat bersifat malar tanpa melihatnya dari sudut penglihatan. Marr dan Vaina (1982), memberikan contoh skema dimensi ini pada kata kerja *berjalan* yang dapat dispesifikasikan berlakunya perubahan pada sendi ketika berlakunya pergerakan pada awal sehingga akhir atau berlakunya perubahan arah sudut gerak tersebut.

Selain itu, menurut Marr (1987), pendekatan ini mempunyai hubungan dalam teori linguistik yang dikenali sebagai teori kompeten. Teori kompeten ini merupakan struktur formal dalam mental representasi yang mencampurkan tugas kognitif dan pengkomputeran dalam peringkat representasi. Beliau menyatakan setiap manusia mempunyai sistem kompeten dan bagaimana ia digunakan di dalam otak. Rajah di bawah merupakan gambaran bagaimana bahasa dapat diterjemahkan bagi menghuraikan makna linguistik seperti Rajah 4.

Rajah 4 memperlihatkan adanya hubungan ruang dan struktur konseptual bagi mengenal pasti visual sesuatu lakuan. Dari sudut linguistik, gambaran tersebut dapat dikelaskan sebagai kata kerja duduk namun dari sudut ruang rajah juga dilihat cara lakuan dikodkan sebagai kata kerja duduk. Marr (1982), memperlihatkan bagaimana lakuan daripada representasi visual ini ditonjolkan oleh aktor dari sudut struktur konseptual seperti:



**Rajah 4** Duduk



Struktur konseptual: [Situasi3 SIT (X<sub>1</sub>, Y<sub>2</sub>)]  
 Simbol : X<sub>1</sub> sebagai *sitter* dan Y sebagai *seat* dan  
 SIT sebagai *sitting*.

Berdasarkan skematik representasi ruang yang ditonjolkan, struktur ruang dapat diaplikasikan oleh aktor bagi menggambarkan lakuan. Gambaran yang dibawa oleh Marr (2010), menunjukkan dengan jelas bagaimana hubungan ruang ini dapat dikodkan dalam pemahaman visual dan dapat diekspresikan dalam bahasa. Oleh itu, pemahaman visual ini dapat dibincangkan bersama dalam gerak serta hubungannya dengan konstituen [HALA] sebagai preposisi di dalam ruang dan bukan ruang. Jackendoff dan Landau (1995), mendapati hubungan ruang dapat ditandai oleh dua objek, iaitu objek rujukan dan objek utama; sebagai contoh dalam ayat *The cat is sitting on the mat*. Frasa preposisi *on the mat* diwakili sebagai objek rujukan, iaitu merujuk kawasan manakala objek utama diwakili oleh *the cat* sebagai sesuatu yang terletak di dalam rantauan. Yang berikut merupakan contoh hubungan perbezaan antara objek utama dengan objek rujukan serta representasi kepada struktur konseptual:

(a) Buku (objek utama) itu bertaburan *di atas* meja. (objek rujukan)

[<sub>Keadaan</sub> GERAK<sub>tambah</sub> [(<sub>Benda</sub> BUKU]<sub>1</sub> [<sub>Hala</sub> DI ATAS]<sub>2</sub> [<sub>Benda</sub> MEJA]<sub>3</sub>)]<sub>1</sub>

(b) Kereta api (objek utama) sampai *ke* stesen. (objek rujukan)

[<sub>Peristiwa</sub> GERAK<sub>arah</sub> [(<sub>Benda</sub> KERETA API]<sub>1</sub> [<sub>Hala</sub> KE]<sub>2</sub> [<sub>Tempat</sub> STESEN]<sub>3</sub>)]<sub>1</sub>

(c) Bintang (objek utama) itu *di dalam* bulatan. (objek rujukan)

[<sub>Keadaan</sub> GERAK<sub>tambah</sub> [(<sub>Benda</sub> BINTANG]<sub>1</sub> [<sub>Hala</sub> DI DALAM]<sub>2</sub> [<sub>Tempat</sub> BULATAN]<sub>3</sub>)]<sub>1</sub>

(d) Bulatan (objek utama) itu *di sekeliling* bintang. (objek rujukan)

[<sub>Keadaan</sub> GERAK<sub>tambah</sub> [(<sub>Benda</sub> BULATAN]<sub>1</sub> [<sub>Hala</sub> DI SEKELILING]<sub>2</sub> [<sub>Benda</sub> BINTANG]<sub>3</sub>)]<sub>1</sub>

Berdasarkan contoh ayat (a) hingga (d) menunjukkan objek utama ditandai oleh subjek seperti *buku*, *kereta api*, *bintang* dan *bulatan*, manakala frasa preposisi ditandai sebagai objek rujukan seperti *di atas*, *ke*, *di dalam* dan *di sekeliling*. Representasi struktur konseptual pula

menunjukkan kehadiran konstituen seperti [Keadaan], [Benda], [Tempat] dan [Hala] yang juga menunjukkan kehadiran dalam gerak bersifat tambah. Hal ini menunjukkan preposisi merupakan elemen penting untuk mengekspresikan hubungan ruang yang akan berkerjasama dengan gerak. Oleh itu Jackendoff (2010), membahagikan empat bahagian utama preposisi untuk mengungkapkan hubungan ruang, iaitu asimetri antara objek rujukan dan objek utama, objek rujukan, objek utama dan kawasan berdasarkan objek rujukan (Jackendoff, 2010, p. 101).

## DATA DAN METODOLOGI

Pemilihan sembilan jenis preposisi, iaitu *dari*, *daripada*, *ke*, *kepada*, *di*, *di seberang*, *di sekeliling*, *di sepanjang* dan *di sekitar* bersama gerak ruang bahasa Melayu adalah berdasarkan janaan dalam Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia, iaitu di bawah subkorpus akhbar. Kewajaran pemilihan data berdasarkan subkorpus akhbar adalah kerana himpunan korpusnya paling tinggi kekerapannya berbanding subkorpus yang lain seperti buku, majalah, efemeral, teks sastera, kertas kerja dan perbahasan, iaitu sebanyak 115, 530 kali. Untuk memperjelas analisis ini, pengkaji akan mengambil data daripada baris konkordans sebagai contoh. Selain itu, tidak semua ayat dalam korpus ini dipilih, ini kerana pemilihan contoh ayat dilakukan secara rawak, bagi menerangkan analisis yang dilakukan.

Contoh ayat:

- a. Dia balik \*\*\*dari\*\*\*Pulau Phuket. (Rencana: 2000)
- b. Ali keluar \*\*\*daripada\*\*\* kereta yang terbakar. (Perspektif: 2004)
- c. Dia balik \*\*\*ke\*\*\* Seremban. (Sukan: 2000)
- d. Mereka gembira datang \*\*\*kepada\*\*\* saya. (Rencana: 2003)
- e. Azli sedang berjoging \*\*\*di\*\*\* taman bunga (Gaya hidup: 2000)
- f. Bandar raya San Francisco \*\*\* di seberang  
\*\*\* jambatan laut Pasifik. (Perspektif: 2004)
- g. Bola berpusing \*\*\* di sekeliling\*\*\* lubang. (Sukan: 2000)
- h. Hotel dan pusat penginapan berbaris  
\*\*\* di sepanjang\*\*\* Teluk Nipah. (Rencana: 2000)
- i. Ulat tiket itu menjual tiket \*\*\* di sekitar  
\*\*\* hentian bas. (Nasional: 2005)

Langkah pertama kajian ini adalah untuk membincangkan fungsi preposisi sebagai penandaan dalam argumen dan adjung. Teori struktur konseptual menyifatkan argumen sebagai penyenaian leksikal (KN, KK, KA, KSN) yang mempunyai kepala dan ciri subkategorinya yang tersendiri. Subkategori dalam argumen tersebut akan membentuk adjung dan akan berhubungan dalam argumen konseptual berbanding bertindak sebagai keterangan dalam ayat. Jackendoff dan Cullicover (2005), menyifatkan peranan adjung dapat mengekspresikan hubungan kepada semua jenis frasa dan bukan kepada KK tersebut semata-mata. Beliau menekankan peranan argumen dan adjung sentiasa bekerjasama dan perlu mematuhi peraturannya seperti jadual di bawah.

**Jadual 1** Peranan argumen dan adjung mematuhi peraturan ini.

| Wajib             | Opsyenal          |
|-------------------|-------------------|
| Argumen/Komplemen | Adjung            |
| Semantik wajib    | Semantik opsyenal |

Langkah kedua merepresentasikan data kepada struktur konseptual yang mempunyai set kategori antologi yang tersendiri. Pembentukan set kategori antologi ini terdiri daripada konstituen seperti [Benda], [Peristiwa], [Tempat] dan [Hala] yang dirangkumkan sebagai *semantic part of speech* dan membentuk struktur fungsi argumen. Dalam struktur fungsi argumen dijelaskan melalui formulalisasi dalam predikat, iaitu F(X) merujuk fungsi satu – tempat dan F(X,Y) merujuk fungsi dua-tempat. Hal ini menunjukkan kategori primitif konseptual ialah pemahaman mengenai fungsi peristiwa berdasarkan struktur fungsi argumen seperti pemetaan di bawah:

i) TEMPAT  $[\text{Tempat}]$  FUNGSI-TEMPAT (BENDA)]

ii) HALA

$$\left\{ \left\{ \begin{array}{l} \text{KEPADA} \\ \text{DARI} \\ \text{DARIPADA} \end{array} \right\} ( \text{BENDA/TEMPAT} ) \right\}$$

iii) PERISTIWA  $\left\{ \begin{array}{l} [\text{Peristiwa}] \text{ GERAK (BENDA, HALA)} \\ [\text{Peristiwa}] \text{ TINGGAL (BENDA, TEMPAT)} \end{array} \right\}$

**Jadual 2** Pembahagian kumpulan.

| Simbol                         | Jenis kumpulan      | Contoh                    |
|--------------------------------|---------------------|---------------------------|
| +b, - i<br>(+objek, -individu) | individu            | seorang, seekor kucing,   |
| +b, + i<br>(+objek, +individu) | kumpulan/organisasi | mereka, persatuan         |
| -b, - i<br>(-objek, -individu) | jenis bahan         | cecair, pepejal dan legap |
| -b, + i<br>(-objek, +individu) | agregat             | sekumpulan, sekawan       |

Langkah ketiga membincangkan dekomposisi preposisi dari segi representasi ruang yang diperihalkan dalam ciri keterikatan bahagian dan kesepadannya serta kata kerja gerak yang hadir bersamanya. Dekomposisi ini dicirikan berdasarkan fungsi struktur dalaman yang meliputi multidimensi dan arah. Perbincangan pada kajian ini melibatkan representasi dari aspek keterikatan ruang, iaitu gerak bersama preposisi serta menekankan ciri keterikatan dan struktur dalamannya. Berdasarkan TSK (2007), ciri struktur dalaman diwakili oleh simbol  $\pm$  *bounded* ( $\pm$  b) yang mewakili objek seperti Jadual 2.

Jadual 2, menerangkan pembahagian kumpulan berdasarkan simbol  $\pm$  b dan  $\pm$  i. Berdasarkan TSK, simbol ini diperkenalkan sebagai sistem peristiwa yang merujuk  $\pm$  b sebagai objek dan +i sebagai objek yang boleh dibilang dan - i objek yang tidak boleh dibilang. Ciri kedua yang ditekankan dalam preposisi ini ialah dimensi dan arah. Penekanan ini diinspirasi daripada teori Marr (1982), dalam mengkonseptualkan bentuk berdasarkan dimensi. Terdapat lima jenis dimensi yang dibincangkan dalam kajian ini, iaitu seperti Jadual 3.

Berdasarkan Jadual 3, terdapat lima jenis simbol dimensi yang digunakan dalam analisis. Simbol DIM 1d merujuk kepada dimensi yang bersifat satu, iaitu selalunya berlaku gerak sepanjang garisan. Kedua, DIM 1d DIR pula merujuk satu dimensi pada satu arah, iaitu berlaku gerak di dalam kawasan atau tempat. Ketiga, DIM 0d merujuk tiada dimensi yang muncul, iaitu pada satu titik gerak sahaja. Keempat, bagi DIM 0 (+e) D DIR merujuk tiada dimensi yang muncul pada arah iaitu tiada gerak dalam garisan. Yang terakhir, DIM 2D merujuk terdapat dua dimensi yang muncul seperti gerak di dalam bulatan.


**Jadual 3** Jenis dimensi.

| Bil. | Jenis dimensi                                   | Maksud                              |
|------|---|-------------------------------------|
| 1.   | DIM 1d (satu dimensi)                           | gerak sepanjang garisan.            |
| 2.   | DIM 1d DIR (satu dimensi pada satu arah)        | gerak di dalam kawasan atau tempat. |
| 3.   | DIM 0d (tiada dimensi)                          | satu titik gerak sahaja.            |
| 4.   | DIM 0 (+E) D DIR (tiada dimensi pada satu arah) | tiada gerak pada garisan.           |
| 5.   | DIM 2d (dua dimensi)                            | gerak di dalam bulatan.             |

**ANALISIS DATA**

TSK membahagikan jenis fungsi preposisi kepada tiga jenis, iaitu preposisi bersifat keterikatan hala, bersifat hala dan bersifat laluan. Bagi preposisi bersifat keterikatan hala memberikan perincian maklumat kepada konfigurasi gerak, iaitu Sumber dan Matlamat. Karektor kepada keterikatan Hala ini memfokuskan Tempat sebagai titik di dalam Hala seperti pada titik permulaan gerak sebagai Sumber Hala dan titik akhir gerak sebagai Matlamat Hala. Bagi preposisi bersifat arah berbeza dengan bersifat hala kerana preposisi ini menekankan satu pergerakan yang tidak menspesifikasikan jarak. Jenis preposisi bersifat laluan pula memfokuskan Tempat sebagai titik pertengahan di dalam Hala dan tidak menspesifikasikan titik gerak secara berlebihan. Pembahagian jenis preposisi seperti Rajah 5.

Rajah 5 menunjukkan tiga jenis fungsi preposisi di dalam Hala, iaitu



**Rajah 5** Jenis fungsi preposisi.

Hala yang bersifat terikat, Hala bersifat laluan dan Hala bersifat arah. Oleh itu, yang berikut merupakan dekomposisi pada preposisi dan gerak yang dapat dijelaskan berdasarkan struktur dalamannya<sup>6</sup> seperti dalam preposisi terikat, arah dan laluan dalam gerak bersifat ruang,

### **Preposisi Terikat dengan Gerak Ruang**

Berdasarkan TSK, preposisi terikat ini merujuk hubungan antara hala dan objek rujukan atau tempat. Objek rujukan ini dijadikan titik akhir pada gerak tersebut yang ditandai oleh Matlamat. Manakala titik awal gerak akan ditandai oleh Sumber. Contoh kehadiran preposisi jenis ini adalah seperti *dari*, *daripada*, *ke* dan *kepada*. Berdasarkan analisis data, kemunculan preposisi ini boleh hadir dalam gerak ruang bersifat arah dan gerak ruang bersifat tambah. Gerak ruang bersifat arah merujuk gerak yang memerlukan peranan konstituen [Hala] sebagai penanda kepada adanya perubahan gerak. Gerak ruang bersifat tambah pula merujuk gerak dinamik yang berulang dan memerlukan kehadiran konstituen [Tempat] sebagai adanya hubungan lokatif pada titik akhir gerak. Walau bagaimanapun, Jackendoff (1997 & 2002) menekankan kehadiran preposisi ini perlu ditandai oleh Peraturan Adjung-Preposisi.<sup>7</sup> Peranan adjung ini memerlukan kombinasi bersama frasa nama dan kata kerja sebagai contoh dalam ayat (1) hingga (4) di bawah:

(1) Dia balik *dari* Pulau Phuket. (Rencana: 2000)

#### **(a) Peraturan argumen-adjung Fprep**

[<sub>FK</sub>...BALIK....DARI...]<sub>1</sub> berhubungan kepada :  
[...GERAK/MENJADI (DIA/PHUKET)]<sub>2</sub>

Berdasarkan peraturan adjung di atas, menerangkan interpretasi Fprep *dari* boleh diindeks kepada konstituen [TEMPAT], iaitu *Pulau Phuket* bagi argumen gerak *balik*. Penanda bagi preposisi ini bersifat opsyenal kerana leksikal *balik* ini bersifat opsyenal kerana boleh diaplikasi mana-mana Fprep bersifat tempat atau sebagai keterangan. Oleh itu sebagai interpretasi, gerak (*balik*) dapat direpresentasikan pembinaannya berdasarkan struktur konseptual (b) yang berikut:

**(b) Representasi konseptual**

[<sub>peristiwa</sub> GERAK<sub>arah</sub> ([<sub>Benda</sub> DIA]<sub>1</sub> [<sub>Hala</sub> DARI PULAU PHUKET]<sub>3</sub>)]<sub>1</sub>


Representasi struktur konseptual ayat (1) menunjukkan kehadiran konstituen [Fungsi Peristiwa] yang mewakili konstituen [Benda- Dia], [hala- Pulau Phuket]. Seterusnya, representasi ruang dapat ditunjukkan dalam pemetaan (c) di bawah:

**(c) Representasi ruang:**

[<sub>peristiwa</sub> GERAK<sub>arah</sub> ([<sub>Benda</sub> DIA]<sub>1</sub> [<sub>Hala</sub> DARI PULAU PHUKET]<sub>3</sub>)]<sub>1</sub>

DARI Situasi x [BALIK] mula/ tamat =

$$[ \text{PULAU PHUKET TITIK AKHIR GERAK ([dari X])}] = \begin{pmatrix} +b, -i \\ \text{ruang DIM 0d} \\ \text{BD+ ([balik])}^8 \end{pmatrix}$$



Representasi pada preposisi dari menunjukkan proses lakuan gerak bersifat arah yang mengekspresikan satu garisan lurus yang terikat dengan objek rujukan, iaitu *Pulau Phuket*. dan objek utama, iaitu *Dia*. Dari segi semantik, preposisi ini ditandai berdasarkan adanya situasi *balik* merujuk keterikatan dekomposisi bahagian, iaitu +b, -i yang merujuk *Dia* sebagai individu dan DIM 0d yang menunjukkan tiada bentuk dimensi yang terbentuk dan BD+ menunjukkan titik akhir gerak tersebut di dalam lokasi.

(2) Ali *keluar* daripada kereta yang terbakar. (Perspektif: 2004)

**(a) Peraturan adjung Penerima**

[<sub>s</sub>...[<sub>FK</sub>...KELUAR...[<sub>FPREP</sub> DARIPADA]...]] harus berhubungan:

$$\left( \begin{array}{l} \text{daripada - Fprep} \\ \text{PENERIMA - [ALI]} \\ \text{[DARIPADA [KERETA],} \end{array} \right)$$

Berdasarkan peraturan adjung di atas, interpretasi FPrep *daripada* boleh menerangkan analogi [PENERIMA-Ali] yang merujuk kesan negatif yang diterima. Secara semantikny, item tematik PENERIMA sebagai adjung datif. Menurut Jackendoff (1997), adjung datif ialah pembinaan frasa nama yang membentuk laluan kepada subjek bagi gerak (*keluar*). Oleh itu, sebagai interpretasi gerak (*keluar*) dapat direpresentasikan pembinaannya berdasarkan struktur konseptual (b) seperti di bawah:

**(b) Representasi struktur konseptual**

$$[_{\text{peristiwa}} \text{GERAK}_{\text{arah}} ([_{\text{Benda}} \text{ALI}]_1 [_{\text{Hala}} \text{DARIPADA} [_{\text{Peristiwa}} \text{KERETA YANG TERBAKAR}]_3)_1]$$

Representasi struktur konseptual bagi ayat (2), menunjukkan kehadiran konstituen [Fungsi Peristiwa], [Benda-Ali ], [hala-daripada] dan [Peristiwa- Kereta yang terbakar]. Seterusnya, representasi ruang dapat ditunjukkan dalam pemetaan (c) di bawah:

**(c) Representasi ruang**

$$[_{\text{peristiwa}} \text{GERAK}_{\text{arah}} ([_{\text{Benda}} \text{ALI}]_1 [_{\text{Hala}} \text{DARIPADA} [_{\text{Peristiwa}} \text{KERETA YANG TERBAKAR}]_3)_1]$$

DARI Situasi x [KELUAR] mula/ tamat =

$$[_{\text{KERETA}} \text{TITIK AKHIR GERAK ([dari X])}] = \left( \begin{array}{c} +b, -i \\ \text{ruang DIM } 0d \\ \text{BD+ ([keluar])}^8 \end{array} \right)$$



Representasi pada preposisi daripada menunjukkan proses lakuan gerak bersifat arah yang mengekspresikan satu garisan lurus yang terikat dengan objek rujukan, iaitu *Ali*. Dari segi semantik ruang, preposisi ini ditandai berdasarkan adanya situasi *keluar* yang merujuk keterikatan dekomposisi bahagian, iaitu +b, -i, iaitu *Ali* sebagai individu dan DIM 0d menunjukkan tiada bentuk dimensi yang terbentuk dan BD+ menunjukkan titik akhir gerak tersebut di dalam kawasan.

(3) Dia balik *ke* Seremban. (Sukan: 2000)

**(a)Peraturan argumen-adjung FPrep**

[<sub>FK</sub>...BALIK...KE...]<sub>1</sub> berhubungan kepada :  
[...GERAK/MENJADI (DIA/SEREMBAN)]<sub>2</sub>

Berdasarkan peraturan adjung di atas, menerangkan interpretasi Fprep *ke* boleh diindeks kepada konstituen [TEMPAT], iaitu *Seremban* bagi argumen GERAK *balik*. Penanda bagi preposisi ini bersifat opsyenal kerana leksikal *balik* ini bersifat opsyenal kerana boleh diaplikasi pada mana-mana Fprep bersifat hala atau sebagai keterangan. Oleh itu, sebagai interpretasi gerak (*balik*) dapat direpresentasikan pembinaannya berdasarkan struktur konseptual (b) seperti di bawah:

**(b) Representasi konseptual**

[<sub>peristiwa</sub> GERAK<sub>arah</sub> ([<sub>Benda</sub> DIA]<sub>1</sub> [<sub>Hala</sub> KE]<sub>2</sub> [<sub>Tempat</sub> SEREMBAN]<sub>3</sub>)]<sub>1</sub>

Representasi struktur konseptual bagi ayat (3) menunjukkan kehadiran konstituen [Fungsi Peristiwa], [Benda-Dia] dan [hala- ke Seremban]. Seterusnya, representasi ruang dapat ditunjukkan dalam pemetaan (c) di bawah:

**(c) Representasi ruang**

[<sub>peristiwa</sub> GERAK<sub>arah</sub> ([<sub>Benda</sub> DIA]<sub>1</sub> [<sub>Hala</sub> KE]<sub>2</sub> [<sub>Tempat</sub> SEREMBAN]<sub>3</sub>)]<sub>1</sub>

DARI Situasi x [BALIK] mula/ tamat =

$$[ \text{SEREMBAN TITIK AKHIR GERAK } ([\text{dari X}])] = \left( \begin{array}{c} +b, -i \\ \text{DIM 0d} \\ \text{BD+ } ([\text{balik}]) \end{array} \right)_{\text{ruang}}$$



SEREMBAN



KE



Representasi pada preposisi *ke* menunjukkan proses lakuan gerak bersifat arah yang mengekspresikan satu garisan lurus yang terikat dengan objek rujukan, iaitu *Seremban*. dan objek utama ialah *Dia*. Dari segi semantik, preposisi ini ditandai berdasarkan adanya situasi gerak *balik* yang merujuk keterikatan dekomposisi bahagian, iaitu +b, -i yang merujuk kepada *Dia* sebagai individu dan DIM 0d menunjukkan tiada bentuk dimensi yang terbentuk pada gerak tersebut dan BD+ menunjukkan titik akhir gerak tersebut di dalam lokasi.

(4) Mereka gembira *datang kepada* saya. (Rencana: 2003)

**(a) Peraturan adjung Penerima**

[<sub>s</sub>...[<sub>FK</sub>...DATANG...[<sub>FPREP</sub> KEPADA]...]] harus berhubungan:

Kepada - Fprep  
 PENERIMA + ([SAYA]  
 [KEPADA [MEREKA], [SAYA]

Berdasarkan peraturan adjung di atas, interpretasi frasa preposisi *kepada* boleh menerangkan faedah yang diterima oleh [PENERIMA+[saya]] yang merujuk faedah bersifat positif yang diterima. Secara semantiknya, item tematik PENERIMA sebagai adjung datif. Menurut Jackendoff (1997), adjung datif ialah pembinaan frasa nama yang membentuk laluan kepada subjek bagi kata kerja gerak (*datang*). Oleh itu, sebagai interpretasi gerak *datang* dapat direpresentasikan pembinaannya berdasarkan struktur konseptual (b) seperti di bawah:

**(b) Representasi struktur konseptual**

[<sub>peristiwa</sub> GERAK<sub>arah</sub> ([<sub>Benda</sub> MEREKA]<sub>1</sub> [<sub>Hala</sub> KEPADA SAYA]<sub>3</sub>)<sub>1</sub>

Representasi struktur konseptual bagi ayat (4), menunjukkan kehadiran konstituen [Fungsi Peristiwa], [Benda- (Mereka) (Saya) ] dan [hala-kepada saya]. Seterusnya, representasi ruang dapat ditunjukkan dalam pemetaan (c) di bawah:

**(c) Representasi ruang**


$$\begin{aligned}
 & [_{\text{peristiwa}} \text{GERAK}_{\text{arah}} ( [_{\text{Benda}} \text{MEREKA} ]_1 [_{\text{Hala}} \text{KEPADA SAYA} ]_3 )_1 \\
 & \text{DARI Situasi } x \text{ [DATANG] mula/ tamat} = \\
 & [_{\text{SAYA}} \text{TITIK AKHIR GERAK} ([_{\text{dari X}}])] = \left( \begin{array}{c} +b, +i \\ \text{DIM } 0d \\ \text{BD+ [datang]} \end{array} \right)
 \end{aligned}$$

Representasi pada preposisi *kepada* menunjukkan proses lakuan gerak bersifat arah yang mengekspresikan satu garisan lurus yang terikat dengan objek rujukan, iaitu *Mereka*. Dari segi semantik ruang, preposisi ini ditandai berdasarkan adanya situasi *datang* yang merujuk keterikatan dekomposisi bahagian, iaitu +b, +i, iaitu *Mereka* sebagai kumpulan dan DIM 0d menunjukkan tiada bentuk dimensi yang terbentuk dan BD+ menunjukkan titik akhir gerak tersebut di dalam kawasan.

**Preposisi Arah dengan Gerak Ruang**

Jackendoff (1983), menekankan kehadiran preposisi arah dilihat dalam taksonomi peranan fungsi [Tempat] sebagai rujukan utama dalam [Hala]. Pembinaan rumus [TEMPAT] → [Tempat DI ([Hala x])]. Gambaran pembinaan rumus ini dianalogikan terdapat satu rujukan titik dalam rujukan hala walaupun tidak dapat menspesifikasikan arah dan jarak gerak tersebut dengan tepat seperti Rajah 7.

Berdasarkan Rajah 7, hubungan pada gambaran preposisi arah ini dijelaskan adanya titik asal pada awal gerak dan mempunyai rujukan hala sebagai penanda kepada lokasi objek gerak tersebut. Preposisi *di*



**Rajah 7** Rujukan hala bagi preposisi arah.

memberikan gambaran tepat bagi contoh preposisi arah ini. Dalam analisis kajian, kehadiran preposisi *di* ini boleh diramalkan berada dalam gerak ruang bersifat arah, gerak bersifat bersifat tambah dan gerak bersifat menjadi seperti dalam contoh ayat (5) di bawah:

(5) Azli sedang *berjoging di* taman bunga. (Gaya hidup: 2000)

**(a) Peraturan argumen-adjung Fprep**

[<sub>FK</sub>....BERJOGING....DI...]<sub>1</sub> berhubungan kepada :  
 [...GERAK/MENJADI (AZLI/TAMAN BUNGA)]<sub>2</sub>

Berdasarkan peraturan argumen-adjung frasa preposisi di atas, menerangkan interpretasi Fprep *di* boleh diindeks kepada konstituen [TEMPAT], iaitu *taman bunga* bagi argumen gerak *berjoging*. Penanda bagi preposisi ini bersifat opsyenal kerana leksikal *berjoging* ini bersifat opsyenal kerana boleh diaplikasi pada mana-mana Fprep bersifat tempat atau sebagai keterangan. Oleh itu, sebagai interpretasi gerak (*berjoging*) dapat direpresentasikan pembinaannya berdasarkan struktur konseptual (b) seperti di bawah:

**(b) Representasi konseptual**

[<sub>peristiwa</sub> GERAK<sub>tambah</sub> ([<sub>Benda</sub> AZLI]<sub>1</sub> [<sub>Tempat</sub> DI TAMAN BUNGA]<sub>3</sub>)]<sub>1</sub>  
 DI Situasi x [BERJOGING] mula/ tamat =

Representasi struktur konseptual bagi ayat (5), menunjukkan kehadiran konstituen [Fungsi Peristiwa], [Benda-Azli ] dan [Tempat- taman bunga]. Seterusnya, representasi ruang dapat ditunjukkan dalam pemetaan (c) di bawah:

**(c) Representasi ruang**

[<sub>peristiwa</sub> GERAK<sub>tambah</sub> ([<sub>Benda</sub> AZLI]<sub>1</sub> [<sub>Tempat</sub> DI TAMAN BUNGA]<sub>3</sub>)]<sub>1</sub>

[<sub>TAMAN BUNGA</sub> TITIK AKHIR GERAK di]  $\left( \begin{array}{l} + B, -Individu \\ ((di X)) \\ DIM 2 (0 + e) d DIR \\ BD^+ [berjoging X] \end{array} \right)$

Representasi pada preposisi *di* menunjukkan proses lakuan gerak bersifat tambah, iaitu *berjoging* yang mengekspresikan sesuatu paksi di atas garisan lurus yang berhubung dengan sesuatu paksi yang lain. Bagi ayat di atas menunjukkan *Azli* sebagai paksi utama yang berhubung dengan paksi yang lain, iaitu *taman bunga* di atas satu garisan lurus yang ditandai oleh preposisi *di*. Gerak *berjoging* pula merujuk keterikatan dekomposisi bahagian, iaitu +b, -i yang bermaksud sesuatu individu dan DIM 2 (+ e) d DIR menunjukkan tempat taman bunga sebagai yang bersifat dua dimensi dan adanya penghujung pada gerakan tersebut.

### **Preposisi Laluan dengan Gerak Ruang**

Preposisi laluan menjelaskan peranan objek rujukan atau tempat yang dikaitkan dengan satu titik dalaman dalam [HALA]. Maknanya, gerak tersebut dapat dikesan pada permulaan MENJADI (x,w) dan akhir menjadi (x,z). Kemunculan preposisi ini boleh hadir dalam gerak ruang bersifat tambah dan gerak ruang bersifat orientasi. Berdasarkan TSK, kata preposisi ini bersifat garisan dan mendatar kerana kedua-dua sifat ini memerlukan satu garisan yang mempunyai kedua-dua permukaan di tepinya. Sebagai contoh kemunculan preposisi *di sepanjang* menunjukkan adanya paksi di atas suatu garisan lurus yang berhubung dengan paksi yang lain. Bagi preposisi *di sekitar* pula menunjukkan satu garisan rantaian dari satu sudut kepada objek yang dirujuk yang menunjukkan paksi utama yang berhubung dengan rantauan sekelilingnya. Begitu juga dengan preposisi *di sekeliling* yang menunjukkan garisan objek yang dikelilingi objek rujukan yang berbentuk dua dimensi dan boleh digambarkan sesuatu yang gerak mengelilingi objek rujukan. Gambaran pada preposisi ini menunjukkan tiada titik akhir pada gerakan tersebut sebagai contoh (8) dan (9) yang mempunyai Sumber dan Matlamat pada gerak tersebut di dalam Fungsi Peristiwa. Berdasarkan analisis kajian, kehadiran preposisi ini boleh diramalkan dalam gerak bersifat orientasi dan gerak bersifat tambah. Berikut merupakan contoh ayat (6) hingga (9) di bawah:

(6)Bandar raya San Francisco *di seberang*  
jambatan laut Pasifik.

(Perspektif: 2004)

**(a) Peraturan Adjung (Ruang)**

[<sub>FK</sub> DI BANDARA RAYA SAN FRANCISCO DI SEBERANG] harus berhubungan

$$\left( \begin{array}{l} [\text{RUANG ([ di seberang])}] \\ [(BANDAR RAYA SAN FRANCISCO), \\ (\text{JAMBATAN LAUT PASIFIK})] \end{array} \right)$$

Berdasarkan peraturan adjung di atas, menerangkan interpretasi  $F_{prep}$  *di seberang* boleh diindeks kepada konstituen [TEMPAT], iaitu *Jambatan Laut Pasifik* yang menunjukkan leksikal preposisi *di seberang* juga membenarkan frasa nama sebagai predikat dalam ayat. Oleh itu, sebagai interpretasi ayat (6) ini dapat direpresentasikan pembinaannya berdasarkan struktur konseptual (b) seperti di bawah:

**(b) Representasi struktur konseptual**

$$\left( \begin{array}{l} \text{keadaan GERAK}_{orientasi} ([_{Benda} \text{ BANDAR RAYA SAN FRANCISCO}]_1) \\ ([_{Hala} \text{ DI SEBERANG JAMBATAN LAUT PASIFIK}]_2) \end{array} \right)$$

Representasi struktur konseptual bagi ayat (6), menunjukkan kehadiran konstituen [Fungsi Keadaan], [Benda-Bandar Raya San Francisco] dan [hala- di seberang jambatan Laut Pasifik]. Seterusnya, representasi ruang dapat ditunjukkan dalam pemetaan (c) di bawah:

**(c) Representasi ruang**

inchoaktif (<sub>Kadaan</sub> BANDARAYA SAN FRANCISCO) [(Keadaan DI SEBERANG)] =

$$\left( \begin{array}{l} + b , +i \\ \text{DIM 2 (0 + e) d DIR} \\ \text{BD}^+ [\text{berbaris X}] \\ \text{di seberang} \end{array} \right)$$

Representasi pada preposisi *di seberang* menunjukkan proses lakuan gerak bersifat orientasi yang mengekspresikan sesuatu di antara titik akhir kepada hala dan peristiwa. Dari segi semantik, preposisi ini ditandai berdasarkan adanya situasi yang menghuraikan satu garisan mendatar



**Rajah 8** Preposisi “di seberang”.

pada jarak *Bandar Raya San Francisco* yang berorientasi kawasan yang merujuk objek rujukan, iaitu *Jambatan laut Pasifik*. Keterikatan dekomposisi menunjukkan bahagian, iaitu +b, +i yang bermaksud sesuatu kumpulan bagi *Bandar Raya San Francisco* dan DIM 2 ( + e) d DIR menunjukkan tempat *Jambatan laut Pasifik* sebagai yang bersifat dua dimensi dan adanya penghujung hala preposisi di seberang sebagai titik akhir gerak tersebut.

(7) Bola berpusing *di sekeliling* lubang. (Sukan: 2000)

**(a) Peraturan Adjung (Ruang)**

[<sub>FK</sub> BERPUSING] harus berhubungan

$$\left[ \begin{array}{l} [\text{RUANG} ([ \text{di SEKELILING}])] \\ [( \text{LUBANG})] \end{array} \right]$$

Berdasarkan peraturan adjung di atas, menerangkan interpretasi  $F_{\text{prep}}$  *di sekeliling* boleh diindeks kepada konstituen [TEMPAT], iaitu *Lubang* yang menunjukkan leksikal preposisi *di sekeliling* juga membenarkan frasa nama sebagai predikat dalam ayat. Oleh itu, sebagai interpretasi gerak (*berpusing*) dapat direpresentasikan pembinaannya berdasarkan struktur konseptual (b) seperti berikut:

**(b) Representasi konseptual**

[<sub>peristiwa</sub> GERAK<sub>tambah</sub> ([<sub>Benda</sub> BOLA]<sub>1</sub> [<sub>Hala</sub> DI SEKELILING]<sub>2</sub>)  
 [<sub>Tempat</sub> LUBANG]<sub>3</sub>]<sub>1</sub>  
 DI SEKELILING Situasi x [BERPUSING] mula/ tamat =

Representasi struktur konseptual bagi ayat (7), menunjukkan kehadiran konstituen [Fungsi Persitiwa], [Benda-Bola], [hala- di sekeliling] dan [Tempat-lubang]. Seterusnya, representasi ruang dapat ditunjukkan dalam pemetaan (c) di bawah:

**(c) Representasi ruang**

$$\left( \begin{array}{c} + B, -i \\ DIM 2 (0 + e) d DIR \\ BD^+ [berpusing X] \end{array} \right)_{berpusing}$$

Representasi pada preposisi *di sekeliling* menunjukkan proses lakuan gerak bersifat tambah yang mengekspresikan satu garisan objek merujuk *Bola* yang mengelilingi objek rujukan yang berbentuk dua dimensi, iaitu *lubang*. Dari segi semantik, preposisi ini ditandai berdasarkan adanya situasi berpusing merujuk keterikatan dekomposisi bahagian, iaitu *Bola* bagi +b, -i dan DIM 2 ( + e) d DIR menunjukkan bentuk lubang yang bersifat dua dimensi dan adanya penghujung pada gerakan tersebut.

(8) Hotel dan pusat penginapan berbaris di sepanjang

Teluk Nipah.

(Rencana: 2000)

**(a) Peraturan Adjung (Ruang)**

$$\left( \begin{array}{l} [_{FK} \text{berbaris}] \text{ harus berhubungan} \\ [RUANG ([ \text{di sepanjang}])] \\ [(TELUK NIPAH )] \end{array} \right)$$

Berdasarkan peraturan adjung di atas, menerangkan interpretasi Fprep *di sepanjang* boleh diindeks kepada konstituen [TEMPAT], iaitu *Teluk Nipah* yang menunjukkan leksikal preposisi *di sepanjang* juga membenarkan frasa nama sebagai predikat dalam ayat. Oleh itu, sebagai



interpretasi gerak (*berbaris*) dapat direpresentasikan pembinaannya berdasarkan struktur konseptual (b) seperti di bawah:

**(b) Representasi struktur konseptual**

[<sub>peristiwa</sub> GERAK<sub>tambah</sub> ([<sub>Benda</sub> HOTEL DAN PUSAT PENGINAPAN]<sub>1</sub> [<sub>Hala</sub> DI SEPANJANG]<sub>2</sub> [<sub>Tempat</sub> TELUK NIPAH]<sub>3</sub>)]<sub>1</sub>

DI SEPANJANG Situasi x [BERBARIS] mula/ tamat =

Representasi struktur konseptual bagi ayat (8), menunjukkan kehadiran konstituen [Fungsi Peristiwa], [Benda-Hotel dan Pusat Penginapan], [hala- di sepanjang] dan [Tempat-Teluk Nipah]. Seterusnya, representasi ruang dapat ditunjukkan dalam pemetaan (c) di bawah:

**(c) Representasi ruang**

$$\left( \begin{array}{c} + b, +i \\ \text{DIM 2 (0 + e) d DIR} \\ \text{berbaris} \quad \text{BD}^+ [\text{berbaris X}] \end{array} \right)$$



**Rajah 9** Preposisi “di sepanjang”.

Representasi pada preposisi *di sepanjang* menunjukkan proses lakuan gerak bersifat tambah, yaitu berbaris yang mengekspresikan sesuatu paksi di atas garisan lurus yang berhubung dengan sesuatu paksi yang lain. Bagi ayat di atas menunjukkan *Hotel dan pusat peranginan* sebagai paksi utama yang berhubung dengan paksi yang lain, iaitu *Teluk Nipah* di atas satu garisan lurus yang ditandai oleh preposisi *di sepanjang*. Gerak *berbaris* pula merujuk keterikatan dekomposisi bahagian, iaitu +b, +i yang bermaksud sesuatu kumpulan dan DIM 2 (+ e) d DIR menunjukkan tempat *Teluk Nipah* sebagai yang bersifat dua dimensi dan adanya penghujung pada gerakan tersebut.

(9) Ulat tiket itu menjual tiket *di sekitar* hentian bas. (Nasional: 2005)

**(a)Peraturan Adjung (Ruang)**

$$\left( \begin{array}{l} [_{FK} \text{ menjual}] \text{ harus berhubung} \\ [\text{RUANG} ([ \text{di sekitar}])] \\ [(\text{HENTIAN BAS})] \end{array} \right)$$

Berdasarkan peraturan adjung di atas, menerangkan interpretasi Fprep *di sekitar* boleh diindeks kepada konstituen [TEMPAT], iaitu *hentian bas* yang menunjukkan leksikal preposisi *di sekitar* juga membenarkan frasa nama sebagai predikat dalam ayat. Oleh itu, sebagai interpretasi gerak (*menjual*) dapat direpresentasikan pembinaannya berdasarkan struktur konseptual (b) seperti di bawah:

**(b) Representasi struktur konseptual**

$$[_{peristiwa} \text{ GERAK}_{tambah} ([_{Benda} \text{ ULAT TIKET}]_1 [_{Hala} \text{ DI SEKITAR}]_2 [_{Tempat} \text{ HENTIAN BAS}]_3)_1$$

Representasi struktur konseptual bagi ayat (9), menunjukkan kehadiran konstituen [Fungsi Peristiwa], [Benda-Ulat tiket], [hala- di sekitar] dan [Tempat-Hentian Bas]. Seterusnya, representasi ruang dapat ditunjukkan dalam pemetaan (c) seperti yang berikut:

**(c) Representasi ruang**

DI SEKITAR Situasi x [MENJUAL] mula/ tamat =

$$\left( \begin{array}{c} + b, + i \text{ Kumpulan} \\ \text{DIM 2 (0 + e) d DIR} \\ \text{BD}^+ [\text{menjual X}] \end{array} \right)_{\text{berpusing}}$$

Representasi pada preposisi *di sekitar* menunjukkan proses lakuan gerak bersifat tambah, iaitu *menjual* yang mengekspresikan sesuatu paksi yang berhubungan dengan rantauan sekeliling. Dari segi semantik, preposisi ini ditandai berdasarkan adanya situasi *menjual* yang merujuk kepada keterikatan dekomposisi bahagian, iaitu +b, -+i yang bermaksud sesuatu kumpulan dan DIM 2 ( + e) d DIR menunjukkan tempat hentian sebagai yang bersifat dua dimensi dan adanya hujung penghujung pada gerakan itu berlaku.

**Dapatan Kajian**

Makalah ini telah memaparkan analisis data gerak serta preposisi *dari, daripada, ke, kepada, di, di seberang, di sekitar, di sekeliling* dan *di sepanjang* yang mempunyai representasi struktur konseptualnya serta argumen-adjung yang terlibat serta gambaran representasi ruang seperti Jadual 10.

**Jadual 10** Fungsi preposisi dalam gerak ruang bahasa Melayu.

| Frasa Preposisi     | Jenis gerak ruang    | Contoh preposisi   | Peraturan Argumen-Adjung  | Representasi ruang  |
|---------------------|----------------------|--|---|---------------------|
| <b>Hala terikat</b> | arah dan tambah      | dari, daripada, ke dan kepada                            | a) Peraturan Argumen-Adjung Frasa Preposisi<br>b) Peraturan Adjung Penerima | a)DIM 0d            |
| <b>Hala arah</b>    | tambah dan menjadi   | di   | a)Peraturan Argumen-Adjung  | a)DIM 2 (0 + E) DIR |
| <b>Hala laluan</b>  | tambah dan orientasi | di, seberang, di sekitar, di sekeliling dan di sepanjang | a)Peraturan Adjung (Ruang)  | a)DIM 2 (0 + E) DIR |

Berdasarkan Rajah 10, menunjukkan kehadiran fungsi Hala terikat boleh hadir dalam gerak ruang bersifat arah dan gerak ruang bersifat tambah seperti *dari*, *daripada*, *ke* dan *kepada* yang bersama dalam adjung yang terlibat, iaitu Peraturan Argumen-Adjung Frasa Preposisi dan Peraturan Adjung Penerima. Dari segi representasi ruang preposisi ini digambarkan kepada pemetaan dimensi DIM 0d, iaitu tiada dimensi yang terbentuk dalam gerak ruang bersifat arah namun dimensi pada gerak itu berlaku dalam gerak ruang bersifat tambah yang memerlukan dimensi DIM 2 (0 + E) DIR pada gerak *berjoging*. Bagi hala arah pula, kehadiran preposisi *di* boleh diramalkan hadir bersama dalam gerak ruang bersifat tambah dan gerak ruang bersifat menjadi. Hala arah ini hanya perlu mematuhi Peraturan Argumen-Adjung dan mempunyai DIM 2 (0 + E) DIR pada gerak tersebut. Bagi preposisi hala laluan, kehadiran preposisi seperti *di seberang*, *di sekitar*, *di sekeliling* dan *di sepanjang* boleh hadir bersama gerak ruang bersifat tambah dan gerak ruang bersifat orientasi. Begitu juga dalam hala laluan ini, hanya satu peraturan adjung yang perlu dipatuhi, iaitu Peraturan Adjung Ruang serta adanya dimensi yang terbentuk pada gerak ini, iaitu DIM 2 (0 + E) DIR.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah membahagikan gerak ruang dan preposisi kepada tiga tatatingkat utama, iaitu pemetaan kepada representasi peraturan argumen-adjung, representasi struktur konseptual dan representasi ruang. Ketiga-tiga pemetaan ini menunjukkan makna gerak dan preposisi ini dapat dibuktikan dengan adanya trajektor bagi penunjuk kepada arah dan dimensi gerak tersebut berdasarkan konseptual bentuk dan objek sepanjang gerak. Pembuktian berdasarkan dekomposisi semantik yang dibina memberikan pemerincian kepada makna gerak ruang tersebut yang boleh hadir bersama preposisi bersifat terikat, arah dan laluan. Kajian ini juga menyarankan agar hubungan tatatingkat ini dapat diperluaskan dalam organisasi struktur fonologi, struktur sintaksis dan struktur konseptual bagi melengkapkan reka bentuk teori struktur konseptual.

**NOTA**

- Dibincangkan oleh pelapor ahli semantik Fillmore (1965), (1982),(1988), Talmy (1975), Dowty (1991), Jackendoff (1983) mengenai konsep gerak dalam kata kerja. Yang berikut merupakan definisi kepada komponen gerak:

**Tema** : Tema ialah entiti yang menyebabkan perubahan lokasi.  
 Contoh: *A soon as they heard the explosion, the people hurriedly ran away.*

**Sumber**: Sumber lokasi bagi Tema sebelum berlakunya pergerakan.  
 Contoh: *The policeman rushed away from the door, and ran toward the crowd.*

**Hala**: Hala merujuk petunjuk kepada pergerakan dari suatu tempat ke tempat yang lain.  
 Contoh: *He went down the hill, passed a village, then came to the farm.*

**Matlamat**: Matlamat ialah lokasi entiti (Tema) yang terakhir.  
 Contoh: *The car drove into the small town, and attracted the attention of the local people.*

**Permukaan**: Petunjuk sesuatu pergerakan dari permukaan kepada asas.  
 Contoh: *The pencil (permukaan) rolled off the table (asas).*
- Konsep ruang juga dibincangkan oleh Jackendoff (2011), dalam gerak ruang yang meliputi gerak<sub>arah</sub>, gerak<sub>tambah</sub>, gerak<sub>orientasi</sub>, gerak<sub>menjadi</sub> dan gerak<sub>kausatif</sub>.  
 Contoh pengelasan gerak berdasarkan TSK:

| Jenis gerak ruang           | Contoh gerak   |
|-----------------------------|--|
| GERAK <sub>arah</sub>       | <i>balik, keluar, datang, sampai, kembali, turun, naik dan muncul</i>                                |
| GERAK <sub>tambah</sub>     | <i>berlari, berjalan, merangkak, melompat, meluncur, memanjat, berenang, berjoging dan berguling</i> |
| *GERAK <sub>orientasi</sub> | <i>di seberang (merujuk preposisi)</i>   |
| GERAK <sub>menjadi</sub>    | <i>tinggal, terletak dan berada.</i>   |

- Preposisi bersifat keterikatan hala memberikan perincian maklumat kepada konfigurasi gerak, iaitu Sumber dan Matlamat. Karektor kepada keterikatan Hala ini memfokuskan Tempat sebagai titik di dalam Hala seperti pada titik permulaan gerak sebagai Sumber Hala dan titik akhir gerak sebagai Matlamat Hala. Bagi preposisi bersifat arah berbeza dengan bersifat hala kerana preposisi ini menekankan satu pergerakan yang tidak menspesifikasikan jarak. Jenis preposisi bersifat laluan pula memfokuskan Tempat sebagai titik pertengahan di dalam Hala dan tidak memspesifikasikan titik gerak secara berlebihan.

4. Representasi dalaman merujuk manusia mempunyai keupayaan untuk menghasilkan pelbagai ayat berdasarkan idea yang difikirkan di dalam otak. Jackendoff (2002), memberi penekanan kepada pembelajaran dan pembangunan di dalam otak seperti dalam sistem pengkomputeran. Sebagai contoh apabila mengujarkan kata nama “bintang besar” pastinya tidak tergambar rajah pohon tentang FN yang dibina. Namun begitu, Jackendoff 2002, pp. 24-25) mendapati wujudnya keadaan-ruang di dalam otak (*space distinctions the brain can make*) yang membolehkan seorang penutur mengeluarkan bunyi (fonologi) dan struktur sintaksis daripada pelbagai dimensi.
5. Kategori ontologi digolongkan sebagai sebahagian daripada “*part of speech*” atau konseptual.

Kategori ini dikonfigurasi dalam struktur kompleks seperti TEMPAT - [<sub>Tempat</sub> FUNGSI-TEMPAT

(BENDA)] HALA- [Hala {KEPADA/DARI/DARIPADA} BENDA/TEMPAT] PERISTIWA - [<sub>Gerak</sub>

{BENDA/HALA}] KEADAAN - [<sub>keadaan</sub> {MENJADI [BENDA/TEMPAT/]}].

6. Dibincangkan bersama ciri keterikatan dan struktur dalaman yang meliputi multidimensi dan arah yang dikodkan dalam TSK.
7. Jackendoff (1997), memperkenalkan 13 Peraturan Adjung dalam *Adjunct That Express an Argument of Modifying conceptual Clause dan Toward a Theory Linking*, iaitu Peraturan Argumen Adjung Frasa Preposisi, Peraturan Adjung Penerima Frasa Nama (kepada-daripada), Peraturan Adjung Keputusan (pada) dan (selama), Peraturan Adjung Predikat Gambaran, Peraturan Adjung Perpindahan dan Peraturan Adjung Keputusan (Ruang).
8. Jackendoff (2007), dalam penelitian mengenai keterikatan membahagikan simbol BD- yang merujuk permulaan sesuatu peristiwa gerak dan BD+ merujuk berakhirnya peristiwa gerak tersebut.

## RUJUKAN

- Asher, Nicholas & Sablayrolles, Pierre. 2009. Semantics for French motion verbs and spatial PPS. *Journal of Semantics on Theoretical Lexical Semantic*. 15, 1-15.
- Dowty, David. (1991). Thematic proto-roles and argument selection. *Language* (67), 547-619.
- Fillmore, Charles. 1965. *Indirect object constructions and the ordering of transformation*. The Hague: Mouton.

- Fillmore, Charles. (1982). *Linguistics in the morning calm Edited The Linguistics Society of Korea*: Seoul: Hashin Publishing Company.
- Fillmore, Charles. (1988). The mechanism of “Construction Grammar. Proceeding of the 14th Annual Meeting of the Berkeley Linguistics Society. Calif: University of California.
- Jackendoff, Ray. (1983). *Semantics and cognition*. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (1992). *Language of the mind*. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. 1992. *Parts and boundaries. Lexical and conceptual semantics*, Beth Levin dan Steven Pinker (EDS.). Cambridge: Blackwell MA.
- Jackendoff, Ray. (1997). *The architecture of the language faculty*. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (2002). *Foundations of language: brain, meaning, grammar, evolution*. London: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. & Cullicover, P.W. (2005). *Simpler syntax*. New York: Oxford University Press.
- Jackendoff, Ray. (2007). *Language of the mind: Essays on mental representation*. London: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (2010). *Meaning and the lexicon: The parallel archicture 1975-2010*. London: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (2011). What is the human language faculty? Two views. *Journal of Language*, 87, 587-624.
- Kamus Dewan*. (2014). Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Landau & Jackendoff. (1993). “What” and “where” in spatial language and spatial cognition. *Journal of Behavioral and Brain Sciences*, 16, 217–265.
- Marr, David. (1982). *Vision*. San Francisco: Freeman.
- Marr, David dan Vaina, L. M. (1982). Representation and recognition of the movements of shapes. *Proceedings of the Research Society of London*. 501-524.
- Maslida Yusof. (2008). Pengelasan kata kerja bahasa Melayu: Pendekatan semantik berdasarkan *role and reference grammar*. *Jurnal Bahasa*, 8(1), 242-262.
- Maslida Yusof. (2010). Analisis situasi gerak bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 11(1), 1-1.
- Narasimhan, Bhuvana. (2002). Motions events and the lexicon: a case study of Hindi. *Journal of Lingua*, 123-160.
- Petruck, Miriam R. L. (2009). Framing Motion in Hebrew and English. *Jurnal Frames, Corpora and Knowledge Representation*, 43-45.

- Talmy, Leonard. (1975). Semantics and syntax of motion. *Journal Syntax and Semantics*, 4, 181-238.
- Wöllner C., Deconinck, F. J., Parkinson, J., Hove, M. J., & Keller, P. E. (2012). The perception of prototypical motion: Synchronization is enhanced with quantitatively morphed gestures of musical conductors. *Journal of Experimental Psychology: Human Perception and Performance*, 38(6): 1390-1403.
- Zelinsky, Cornelia. (1993). *The semantics of preposition*. New York: Mouton de Gruyer.
- David C. Bennet. 1975. Spatial and temporal uses of English preposition. London: Longman Group Ltd.
- Zubizarreta, M. L. (2008). *On the syntactic composition of manner and motion*. California: MIT Press.

Diperoleh (*received*): 9 Mei 2019

Diterima (*accepted*): 1 November 2019